

PERTUMBUHAN DAN PERKEMBANGAN¹ BAHASA MELAYU

HAJI MUHAMMAD ARIFF AHMAD

MUKADIMAH

Bercakap mengenai *pertumbuhan dan perkembangan bahasa Melayu* ini, mahu tidak mahu, sama ada langsung atau tidak langsung, harus kita pelajari atau sekurang-kurangnya kita ambil tahu tentang bahasa Melayu itu. Bahasa Melayu pastilah lahir sekurang-kurangnya serentak dengan, dan menjadi alat komunikasi (orang Melayu untuk menyampaikan gambaran dan menyuarakan warna perasaannya, sama ada dalam lingkungan orang Melayu itu sendiri ataupun kepada orang-orang asing yang datang ke Alam Melayu ini, dan kemudian, berkepentingan dengan orang Melayu.)

Sumber-sumber sejarah - setakat yang diketahui - belum dapat memberi keterangan yang lengkap mengenai asal-usul pertumbuhan bahasa Melayu itu. Kita baru hanya dapat mengatakan bahawa bahasa (Melayu itu adalah keluarga bahasa Austronesia) dan telah mempunyai sejarah kira-kira 2,000 tahun².

Menurut pendapat sarjana-sarjana antropologi - Dr Von Stein Callenfels dan Dr Robert Von Heine Gelden, bangsa German - nenek moyang orang Melayu telah berpindah-randah dari Yunnan (sebuah

1. Makalah ini telah disampaikan sebagai kertas kerja kepada Kursus Bahasa & Kesusasteraan anjuran Perwanit (Persatuan Wanita dan Teruna) di Dewan Sekolah Menengah Monk's Hill pada 13 November 1965 dalam rancangan Bulan Bahasa Kebangsaan Kedua 1965.

2. Baca Memorandum Asas 50, Oxford University Press, Kuala Lumpur 1962, muka surat 60.

wilayah China) ke daerah-daerah dan pulau-pulau di Tenggara Asia, antara D.M. 2500 hingga D.M. 1500. Mula-mula sampai di Pulau Easter dan di Pulau Malagasi (Madagascar).

Kemudian, pada kira-kira awal kurun masihi, barulah mereka berpindah-pindah meratai kawasan pulau-pulau yang berselerak di antara Malagasi (di sebelah barat) dengan Pulau Easter (di sebelah timur). Orang-orang ini, semuanya, dikenalkan oleh sejarah sebagai 'orang Melayu Asli' atau proto-Malay.

Menurut sejarah, orang Melayu Maju atau deutro-Malay (Melayu Modern) yang dikenal sekarang - barulah mulai diketahui kira-kira dalam kurun masihi ke-12, iaitu apabila kerajaan Srivijaya hampir-hampir ranap dan terdapat sebuah kerajaan Melayu di Sungai Musi. Rakyat kerajaan Melayu itu dikenal sebagai orang Melayu.

Dr Omar Amin Husin alias Dr Omar Dato Simardja menegaskan dalam bukunya 'Sejarah Bangsa dan Bahasa Melayu' bahawa (*bahasa Melayu itu lebih tua sejarahnya daripada bangsa Melayu itu sendiri*).³) Keterangan itu diasaskan kepada pendapatnya bahawa nama *Pasai*; sebuah negeri di Sumatera Utara, itu berasal daripada nama *Farsi* - dengan maksud: *Farsi kedua*. Dr Omar menerangkan bahawa orang-orang Farsi telah datang ke Sumatera lalu membuka negeri dan mengembangkan agama Islam.

Negeri itu dinamainya *Pasai* iaitu sebutan nama Farsi menurut pelatan orang-orang setempat. Bahasa yang digunakan di *Pasai* ialah bahasa Farsi yang disebut pelat oleh orang-orang setempat - orang Melayu. Itulah sebabnya dikatakan 'bahasa Melayu itu lebih tua daripada bangsa Melayu itu sendiri'.

Pendapat ini mungkin dapat dibantah apabila kita semak pula Hikayat Raja-raja *Pasai*, iaitu sebuah kitab yang banyak menggambarkan kenyataan-kenyataan awal sejarah kerajaan Melayu *Pasai*. Menurut Hikayat Raja-raja *Pasai* itu: negeri *Pasai* telah dibuka oleh Raja Semudera. Putera kedua Raja Semudera telah dirajakan di *Pasai* dengan gelar Sultan Malikul Mansur. Rakyat Semudera terbahagi dua: sebahagian mengikut Malikul Mansur yang berkerajaan di *Pasai* dan sebahagian lagi tetap di Semudera menjadi rakyat kerajaan Malikuz-Zahir, abang kepada Malikul Mansur.

3. Baca Dr Omar Amin Husin, *Sejarah Bangsa dan Bahasa Melayu*, Pustaka Antara, Kuala Lumpur 1962, muka surat 189.

Dengan keterangan terakhir itu nyatalah bahawa rakyat Pasai ialah orang Melayu yang berbahasa Melayu.

1. PERTUMBUHAN BAHASA MELAYU

Bagaimanapun latarbelakang sejarah tadi ada juga pengaruhnya terhadap pertumbuhan bahasa Melayu, kerana dalam latarbelakang sejarah itu, misalnya, boleh kita dapati ada perkataan-perkataan Melayu yang sama terpakai dalam bahasa-bahasa yang tergolong dalam rumpun bahasa Austronesia⁴.

Dalam perpindahan besar-besaran itu tentulah nenek moyang orang Melayu itu telah melalui beberapa wilayah sebelum mereka sampai ke Pulau-pulau Melayu atau Nusantara kita ini. Malah, pada zaman awal-awal perpindahan itu bukanlah hanya beberapa perkataan sahaja seperti *padli*, *besi* dan *babi* itu yang sama terpakai di wilayah-wilayah yang dilalui mereka: tetapi tentulah banyak lagi - mungkin keseluruhannya serupa⁵.

Kemudian, oleh kerana pengaruh tempat kediaman, pengaruh keadaan hidup, pengaruh kepentingan kelompok dan pengaruh sejarah tempatan maka bahasa mereka semakin berkembang: tetapi kerana semua keadaan itu tidak sama maka bahasa Melayu yang berasal dari satu akar yang sama itu tumbuh menerbitkan dahan, ranting dan bunga yang berlainan bentuk dan warnanya.

Maka jadilah: perkataan Melayu yang terbit di daerah Lampung payah dimengerti oleh orang Melayu di Banjarmasin; orang-orang Melayu di Mengkasar⁶ sukar memahami bahasa Melayu orang di Korinci, dan yang sebagainya.

Banyak sekali perkataan yang terbentuk daripada bunyi-bunyi yang terdengar, yang terasa, yang tergambar dalam ingatan serta bayangan fikiran yang dinisbahkan sebagai bunyi. Ukuran (kriteria) yang dipakai orang untuk menilai bunyi-bunyi itu pula tidak sama bagi kelompok-kelompok manusia yang berlainan. Yang demikian, lahirlah kata-kata yang seakar tetapi tidak sebunga (maksud saya: ada perkataan yang sama sebutannya tetapi berlainan maknanya); maka bahasa itu disebut 'bahasa daerah' (dialek).

4. Baca Inaklopedia Indonesia, N.V. Penerbitan W Van Hoeve, Bandung-Gravenhage, 1965 muka surat 151.
5. Baca Ch A Van Ophujsen 'Maleische Spraakhunst' (Tatabahasa Melayu) S C Van Doesburgh, Leiden 1915 (Djambatan, Djakarta 1983) muka XXV.
6. Sekarang 'Mengkasar' diubah nama menjadi 'Ujung Pandang'.

Oleh kerana keadaan bersendiri-sendirian - pada masa itu, semua kepentingan hidup manusia diurus dan diselenggarakan sendiri - maka hubungan antara satu kelompok dengan kelompok yang lain tidak terjalin dengan baik. Faktor ini menyebabkan bahasa-bahasa daerah tumbuh dengan subur.

Orang Melayu kuno menggunakan bahasa Melayu sebagai alat meliputi seluruh kehidupannya, bahasa Melayu merupakan bahasa pertuturan yang terpakai secara murni di daerah-daerahnya⁷ - sebelum mengalami apa yang dinamakan 'krisis kebudayaan'. Orang Melayu suku Nias, misalnya, bertutur dengan bahasa Nias yang tanpa fonem /ng/ serta dengan fonem /p/ yang mirip kepada /f/⁸. Demikian halnya dengan suku-suku Melayu yang lain, seperti:

orang Lampung, Aceh, Batak, Enggano, Korinci di *Sumatera*;
orang Sunda, Jawa dan Madura di *Jawa*;
orang Balinga dan Sasak di pulau-pulau *Bali* dan *Lombok*;
orang Mendanao, Bugis, Mengkasar dan Toraja di *Sulawesi*;
orang Melayu dan Dayak di *Kalimantan*; dan
orang Semang, Sakai dan Pangan di *Semenanjung Tanah Melayu*.

2. PERKEMBANGAN BAHASA MELAYU

Untuk memudahkan kita mengikuti derap dan rangkai perkembangannya marilah kita teliti kemajuan bahasa Melayu itu mengikut zaman-zamannya. Marilah cuba kita bahagikan zaman-zaman kepada:

- (a) Zaman Permulaan - zaman menjadi lingua-franca;
- (b) Zaman Gemilang - zaman menjadi bahasa empayar;
- (c) Zaman Penjajahan - zaman menjadi bahasa klas 4;
- (d) Zaman Peralihan - zaman pendaulatan semula; dan
- (e) Zaman sekarang⁹ - zaman menjadi bahasa kebangsaan/bahasa persuratan.

● ZAMAN PERMULAAN:

Sedar atau tidak sedar, ekonomi mulai menguasai manusia semenjak manusia mulai hidup berkelompok. Ekonomi tidak sahaja

7. Baca Inaklopedia Indonesia, N.V. Penerbitan W Van Hoeve, Bandung-Gravenhage 1965 muka surat 672.

8. Baca Harun Aminurrashid, *Kebudayaan Sepintas Lalu I*, Pustaka Melayu, Singapura 1960, muka surat 42.

9. 'Sekarang' itu ialah sekitar 1960-an; tepatnya 1960-1965.

berlaku dalam bidang yang terlalu sempit; perkembangannya menimbulkan prakarsa manusia mencipta sesuatu. Laut, ikan dan pelayaran sudah ditakdirkan menjadi alam orang Melayu yang menjadi peribumi Nusantara.

Kepandalan-kepandalan dalam lapangan itu membawa mereka meninjau dan merantau ke daerah kelompok lain. Ekonomi mulai bergerak mencelah-celahi kehidupan mereka; dan alat perhubungan yang digunakan untuk memenuhi kepentingan mereka ialah bahasa. Bahasa-bahasa daerah kurang bertenaga untuk kepentingan perhubungan antara suku-suku Melayu itu; yang demikian, bahasa yang akhirnya satu itu digunakan mereka untuk menyampaikan hasratnya.

Oleh kerana bahasa Melayu itulah bahasa yang diketahui oleh lebih ramai penduduk/puterabumi Nusantara maka bahasa Melayu telah menjadi bahasa lingua-franca secara automatik. Bahasa Melayu menjadi bahasa utama untuk mencapai segala yang berhubung dengan kehidupan orang Melayu di seluruh Nusantara.

● **ZAMAN GEMILANG:**

Semenjak tahun masihi 600 hingga 1528, bangsa Melayu telah ditakdirkan mempunyai sejarah kebangsaan yang gemilang. Bangsa Melayu ditakdirkan memiliki tiga buah empayar yang besar sebelum mereka dikunjungi oleh penjajah-penjajah Barat. Tiga buah empayar itu ialah:

Kerajaan *Srivijaya* dari tahun 600 hingga 1377;

Kerajaan *Majapahit* dari tahun 1292 hingga 1520; dan

Kerajaan *Melaka* dari tahun 1402 hingga 1528.

Ketiga-tiga buah empayar Melayu itu mewakili tiga utusan agama. *Srivijaya* adalah pengembang ajaran dan falsafah Buddha, *Majapahit* adalah penganut agama Hindu dan *Melaka* adalah pusat kebudayaan Melayu serta pusat pengembangan agama Islam di Alam Melayu ini. Dalam ketiga-tiga empayar itu bahasa Melayu (yang sudah mula mendapat pengaruh dari luar) telah menjadi bahasa ekonomi, bahasa kebudayaan dan bahasa politik yang berdaulat, kerana pada masa itu bangsa Melayu hidup di Alam Melayu ini sebagai satu bangsa yang berkuasa.

Plagam-plagam yang tertulis dalam bahasa Melayu (kuno) pada

prasasti-prasasti telah ditemui di Talang Tuwo (tertulis pada tahun masihi 683-684); ditemui di Kota Kapur tertulis pada tahun 686; dan yang ditemui di Gandasuli, Jawa, tertulis pada tahun 832.

Pada tahun 671, seorang sami China bernama I-Tsing telah datang menuntut ilmu bahasa Sanskrit dan falsafah Buddha di sebuah perguruan di Srivijaya. Tidak dapat dinafikan bahawa I-Tsing menuntut itu telah menggunakan bahasa Melayu yang telah mula diresapi kata-kata Sanskrit, terutama kata-kata istilah yang membabit teknik pengajaran agama Buddha, seperti *agama, syurga, neraka, puasa, sastera, permata, dewata, bahasa, astana, saudara, isteri, suami, bangsa* dan yang sebagainya.

Kerajaan Majapahit terdiri ketika nafas Srivijaya sedang tenat menanti mautnya. Kegagahan Majapahit telah melemahkan kuasa politik Srivijaya di tanah jajahannya, namun, tidaklah pula Majapahit itu membunuh kebudayaan Melayu yang telah disuburkan Srivijaya di Alam Melayu ini.

Malah, kerana kerajaan Majapahit itu beragama Hindu maka banyaklah kebudayaan Hindu mempengaruhi kehidupan orang-orang Melayu; dan, antara kebudayaan itu, yang langsung mengenal ceramah ini ialah bahasa. Dari pengalaman beragama Hindu itu, secara sedar atau tidak, orang Melayu telah menggunakan banyak perkataan orang-orang Hindu.

Dari bahasa Tamil bahasa Melayu mengambil kata-kata *apam, kolam, nilam, logam, talam, ragam, kedai, keledai, mempelai, kuil, katil, martil, raja, rani* dan yang sebagainya. Dari bahasa Dravida pula bahasa Melayu beroleh kata-kata *kuda, gudang, belanja* dan yang seumpamanya, manakala dari bahasa Hindi kita ambil kata-kata *cuti, curi, culi, topi, dobi, kerani, puteri, lucah, cukai, sundal* dan banyak lagi.

Demikian pula apabila kerajaan Melayu Islam tertegak di Melaka. Melaka telah menjadi kota dagang tempat pertemuan saudagar-saudagar Islam dari India bagi pihak barat dan saudagar-saudagar China dari timur dunia.

Keadaan alam dan pelabuhan Melaka yang amat baik (sebelum Singapura moden dibuka pada tahun 1819), telah menaikkan taraf Melaka menjadi tumpuan dan tempat pertemuan saudagar-saudagar timur dan barat; dan kemudian, menjadi idaman penjajah-penjajah barat untuk memilikinya sama sekali.

Layanan yang baik yang diberikan oleh pembesar-pembesar Melaka amat menarik hati saudagar-saudagar China, India dan Arab itu. Masyarakat Islam di Melaka semakin besar dan kebudayaan Arab dan China mula meresapnya. Dalam bidang bahasa, bahasa Melayu ditambah pula dengan kata-kata dari bahasa Arab/Farsi dan China.

Kata-kata yang terambil dari bahasa Arab ialah seperti *ajal, akhir, akhbar, sujud, jawab, fikir, akal, kiamat, makna, sabar, rukun, hukum, waktu, tamat* dan berpuluh-puluh ribu lagi; dari bahasa Farsi diambil bahasa Melayu kata-kata seperti *daftar, bius, nakhoda, takhta, syahbandar, mawar, temasya, kahwin, kenduri* dan sebagainya; sementara yang dari bahasa China pula ialah seperti kata *dacing, mi, anglo, tauge, tauke, kuntau, kongsi, tauhu, loteng, tocang, taucu, tongkang* dan banyak lagi.

Pendeknya, hingga ke peringkat akhir zaman gemilang itu, bahasa Melayu bukan sahaja menjadi *lingua-franca* tetapi ia telah menjadi bahasa pertuanan, bahasa kuasa bagi sebuah Alam Melayu yang merdeka yang rakyatnya - orang Melayu - dianggap sebagai suatu bangsa. Dalam semua fungsi pemerintahan, pentadbiran, pembangunan dan kebudayaan, bahasa Melayu itu, dengan daya dan kemegahannya, telah digunakan sebagai alat perhubungan.

● ZAMAN PENJAJAHAN:

Pada peringkat awal pedagang-pedagang Eropah menjelajahi Alam Melayu ini, masih tampak juga kebesaran bahasa Melayu itu jika beberapa perkara ini diambil kira:

(a) Sebuah kamus Melayu/Itali (sebenarnya: satu daftar kata-kata Melayu yang diberi makna dalam bahasa Italy) telah ditulis oleh seorang anak kapal Magellan yang bernama Pigafeta. Kata-kata itu tertulis dalam tulisan rumi ejaan Italy, dimaksudkan oleh Pigafeta untuk menolong pelayar-pelayar dan pedagang-pedagang barat supaya mudah mendapatkan sesuatu daripada orang Melayu apakala sampai di Alam Melayu. Kamus itu telah ditulis Pigafeta pada tahun 1520¹⁰.

(b) Seorang pengembara Belanda, Jan Huijgen van Linsehoten, menyatakan bahawa dalam tahun 1600-an bahasa Melayulah yang menjadi bahasa perantaraan di seluruh Nusantara. Bahasa Melayu itu amat halus dan dimulikan oleh bumiputera. Orang-orang memulikan

10. Baca Harun Aminurrahid, *Kajian Bahasa Melayu*, Pustaka Melayu, Singapura 1962.

bahasa itu kerana orang-orang mulia di Nusantara bercakap dalam bahasa Melayu sama seperti orang-orang mulia di Eropah berbahasa Perancis¹¹.

(c) Setelah mengalami tiga agama dalam tiga empayar bahasa Melayu menjadi bertambah kaya dalam perbendaharaan katanya. Kata-kata asing telah meresap ke dalam bahasa Melayu, disebut dengan sebutan Melayu dan menjadi sebahagian daripada kata-kata Melayu, setaraf dengan kata-kata Melayu yang asal.

Bagaimanapun, apakala nafsu pedagang-pedagang Eropah bertambah besar, mereka pun mula bercakaran sama sendiri. Keinginan hendak menguasai pusat-pusat perdagangan di Alam Melayu dan untuk melemahkan lawan-nlaganya pun kian memuncak. Orang-orang Portugis yang memang memusuhi Islam telah mencari-cari sebab supaya dapat segera mereka menelan Melaka.

Tujuan Portugis hendakkan Melaka itu bukan sahaja dapat melemahkan Belanda dan Inggeris yang menyaingi perniagaannya di Alam Melayu, tetapi juga akan dapat melemahkan perkembangan Islam Melayu ini. Cita-cita Protugis itu dikabulkan Tuhan: pada 24 Ogos 1511 Portugis berjaya menakluki Melaka.

Langkah kapitalis-cum-imperialis Portugis dituruti oleh teman sedagangnya, pedagang-pedagang Belanda, dengan mendaratkan Cournalis de Houtman di Banten (Jawa Barat) pada tahun 1500. Kemudian, kompeni Inggeris pula menugaskan wakilnya, Francis Light, mengambil Pulau Pinang daripada Sultan Kedah pada tahun 1786.

Melalui pergaulan dengan pedagang-pedagang barat itu, bilangkata bahasa Melayu terus bertambah. Dari bahasa Portugis kita ambil kata-kata *armada, bendera, meja, jendela, almari, biola, boneka, mentega, renda, soldadu, paderi* dan banyak lain lagi. Dari bahasa Belanda kita ambil pula kata-kata *duit, seterup, taksir, kamar, speda, stoples, ransum, sekopong, pekan* dan sebagainya; manakala dari bahasa Inggeris kita ambil kata-kata *basikal, motokar, motobot, radio, telefon, televisyen, gol, raket, jaket, tiket* dan banyak lagi¹².

Walaupun nampaknya ada juga tanda-tanda yang menunjukkan seolah-olah penjajah-penjajah itu hendak memajukan bahasa Melayu,

11. Baca Dr C Hooykass, *Perintis Sastra*, Balai Pustaka Djakarta 1953 muka surat 101.

12. Datang sekarang ini pun, kata-kata Inggeris itu masih mencurah masuk ke bahasa Melayu mengisi kekosongan istilah yang diperlukan.

tetapi yang sebenarnya ialah semata-mata menunjukkan ketidakmampuan mereka hendak menghapuskan sama sekali bahasa Melayu itu.

Pada tahun 1615, menurut Brugmans: bahasa Melayu masih digunakan di Ambon setelah Belanda tidak berjaya memaksakan penggunaan bahasa Belanda di sana. Pada tahun 1631 pula, Danckaerts berkata: sekolah-sekolah katolik di Maluku menggunakan bahasa Melayu, dan untuk kepentingan sekolah-sekolah katolik itu Leydekker telah menyiapkan terjemahan injilnya ke bahasa Melayu.

Bagaimanapun, bumiputera hanya dapat bertahan menurut kemampuannya sahaja. Apabila kapitalis-cum-penjajah itu makin memperhebat sepak terajangnya, maka bersama-sama kemerosotan politik kerajaan-kerajaan Melayu, bahasa Melayu pun turut menurun dan mundur.

Drama pertama yang dihadapi bahasa Melayu ialah apabila penjajah barat memulakan tindakan 'pecah dan perintah'. Penandatanganan Anglo-Dutch Treaty pada 17 Mac 1824 merupakan garis on-your-mark bagi mereka untuk memusnahkan keagungan bahasa Melayu. Anglo-Dutch Treaty itu menentukan bahawa Inggeris berkuasa di Singapura dan negeri-negeri di utaranya, manakala Belanda menguasai kepulauan Melayu seluruhnya¹³.

Kemudian daripada itu, orang Melayu yang dikuasai Inggeris dikenal sebagai Melayu British Malaya dan British North Borneo, manakala yang berada di daerah kekuasaan Belanda dipanggil Melayu Hindia Belanda (Dutch Indies). Dan, bahasa Melayu pun semakin bertambah perbendaharaan katanya tetapi merosot dan terhad penggunaannya. Bahasa Melayu hanya terpakai dalam lingkungan orang-orang yang rendah taraf ekonominya.

Kerajaan Inggeris di Malaya¹⁴, membenarkan bahasa Melayu itu digunakan oleh orang Melayu dan dalam kalangan pekerja-pekerja kerajaan dalam 'divisen 4'. Memanglah di Singapura telah didirikan sekolah Melayu semenjak tahun 1856, tetapi sekolah-sekolah itu hanya dijadikan bengkel untuk melahirkan kuli dan buruh yang bergaji murah. Hanya mereka yang bermasib baik, iaitu mereka yang lulus terbaik akan terpilih menjadi guru pelatih kemudian jika mereka terpilih melanjutkan pelajarannya ke Maktab Perguruan Sultan Idris

13. Daerah ini sekarang disebut 'Indonesia'.

14. Malaya termasuk Semenanjung Tanah Melayu, Singapura dan Brunel.

dan lulus menjadi guru, baru dimasukkan ke 'pekerja division 3'.

Orang Melayu yang ingin menjadi pegawai division 2 dan division 1 kenalah masuk sekolah Inggertis.

● ZAMAN PERALIHAN:

Setakat yang telah direkodkan, gerakan pendaulatan semula bahasa Melayu sesudah ditindas kuasa barat semenjak 1824 itu telah dimulai pada tahun 1921. melalui majalah 'Jong Sumatera' (Sumatera Muda), pemuda yang kemudiannya dikenal sebagai Mr Mohamad Jamin telah menulis tentang bahasa dan bangsa dengan motto: *apa yang kau warisi daripada nenek moyangmu, usahakanlah supaya dapat engkau jadikan hak milikmu.*

Semangat Jamin itu makin hidup meluap-luap di dada pemuda Sumatera, dan akhirnya dalam Kongres Pemuda yang diadakan di Jakarta pada 28 Oktober 1928, ditetapkanlah bahawa *bahasa Indonesia* (sebuah negara kesatuan yang dilahirkan kongres itu) ialah *bahasa Melayu*. Penegasan Pernyataan pemuda itu dilaksanakan mulai dari Kongres Pertama Bahasa Indonesia di Solo pada 28 Jun 1938.

[Di Tanah Melayu, telah lahir persatuan-persatuan bahasa yang bertujuan untuk menghidupkan semula kedaulatan bahasa Melayu. Semenjak tahun 1888 Pakatan Belajar dan Mengajar Pengetahuan Bahasa (Melayu) telah ditubuhkan di Johor Bahru. Ditambahkan kata 'Diraja' kepada nama PBMPB (Pakatan Belajar/Mengajar Pengetahuan Bahasa) pada tahun 1934.]

Persaudaraan Sahabat Pena Malaya telah ditubuhkan pada tahun 1936 diikuti dengan tertubuhnya Persaudaraan Sahabat Pena Singapura. Tamat Perang Dunia Kedua, tertubuh pula Persatuan Persuratan Pemuda Pemudi Melayu Singapura dan Sahabat Pena pada tahun 1947.

Pada 6 Ogos 1950 tertubuh Angkatan Sasterawan 50 di Singapura. Angkatan Sasterawan 50 (yang nama ringkasnya *Asas 50*) membawa cita-cita *melahirkan sastera baru sambil mempelajari dan melestarikan sastera lama*. Penubuhan Asas 50 itu diikuti penubuhan Lembaga Bahasa Melayu (di Singapura), Ikatan Persuratan Melayu (di Melaka), Angkatan Sasterawan Utara Malaya (di Pulau Pinang), Lembaga Bahasa Melayu (di Kedah), Lembaga Pembangunan Sastera (di Perak), Angkatan

Sasteraan Negeri (di Negeri Sembilan) dan banyak lagi.¹⁵

↳ Bagaimanapun, usaha mendaulatkan kembali bahasa Melayu di Malaya, baru mula tampak kesannya apabila 20 pertubuhan bahasa dan persuratan dari seluruh Malaya bertemu dalam Kongres Persuratan Melayu Malaya 1 yang diadakan di Singapura pada 12 dan 13 April 1952. Kongres (KPMMI) itu telah berikrar: *bahawa kita tidak mahu Tanah Melayu yang akan merdeka ini akan menjadi negara bisu atau negara yang meminjам bahasa asing menjadi bahasanya!* }

Pada 12 April 1952, dengan perikatan dan kerjasam lima pertubuhan Melayu di Singapura (Asas 50, Lembaga Bahasa Melayu, Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura, Persatuan Persuratan Pemuda-Pemudi Melayu dan Trengkas Melayu Institut) satu persidangan Persuratan Melayu se-Malaya telah diadakan di Sea View Hotel, Singapura. Persidangan itu membincangkan sama ada perlu semua pertubuhan bahasa itu dilebur lalu dibentuk satu sahaja pertubuhan bahasa yang berpadu bagi satu Malaya, atau semua pertubuhan yang wujud (pada waktu) disatukan dalam satu gandingan, ataupun semua pertubuhan yang wujud itu bekerjasama dalam satu ikatan kongres yang tidak berperlembagaan tetapi berpiagam.

Persidangan 12 April itu telah memutuskan untuk bekerjasama dalam bentuk kongres. Maka pada keesokan harinya, pada 13 April 1952, di laksanakanlah Kongres Pertama Persuratan Melayu se-Malaya (KPMMI) di tempat yang sama. KPMMI telah menugaskan satu Jawatankuasa menyiasat sejauh mana tulisan Jawi dan Rumi telah digunakan dalam perkembangan bahasa Melayu.

Kongres Kedua Persuratan Melayu se-Malaya (KPMM2) telah diadakan di Seremban mulai 31 Disember 1953 hingga 2 Januari 1954. Berdasarkan laporan Jawatankuasa Tulisan KPMM1 yang menunjukkan bahawa antara 10 lapangan penulisan yang diselidki, 6 lapangan menggunakan tulisan rumi antara 65% hingga 90%, dan 4 lapangan menggunakan tulisan Jawi antara 55% hingga 90%, maka KGMS (Kesatuan Guru-guru Melayu Singapura) mencadangkan supaya KPMM2 menganjurkan kepada pemerintah Persekutuan Tanah Melayu agar menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi PTM dan menggunakan tulisan rumi sebagai tulisan rasmi untuk memperkembang bahasa dan persuratan Melayu. Asas 50 telah menyokong cadangan itu dan Kongres menerima.

15. Baca Noor S.I. dalam *Dinamika Budaya*, MP 1991, muka surat 103-132.

Anjuran KPMM supaya bahasa Melayu dijadikan bahasa rasmi PTN disambut baik dan dilembagakan dalam perlembagaan PTM (kemudiannya menjadi Malaysia) pada fasal 152. Di Singapura pula, dalam ucapan dasar Perdana Menteri pada Jun 1959 disebutkan bahawa Singapura menerima bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Ekoran dari penerimaan itu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan telah diajarkan di sekolah-sekolah untuk membolehkan pelajar-pelajar kita berbahasa kebangsaan; di samping itu berpuluh ribu rakyat Singapura yang bukan Melayu telah masuk belajar bahasa kebangsaan anjuran Lembaga Gerakan Pelajaran Dewasa.

Satu lagi keputusan KPMM2 ialah mengarahkan Asas 50 supaya menghubungi sasterawan dan bahasawan Indonesia, meninjau kalau ada kemungkinan bekerjasama dalam urusan kebahasaan. Menerusi konsulet Indonesia di Singapura, saya menulis ke Jakarta meninjau dan menghibau bahasawan di sana untuk mengadakan kerjasama kebahasaan.

Pada 1 Mac 1954, surat saya itu disiarkan oleh majalah Medan Bahasa di Jakarta. Respon dari para bahasawan Indonesia adalah positif. Perhubungan dimulakan dengan mereka mengundang Malaya supaya menghantarkan wakilnya dengan sebuah preadvis ke Kongres Kedua Bahasa Indonesia yang berlangsung di Medan pada 28 Oktober hingga 2 November 1954.

Kerabat KPMM di selatan Semenanjung telah berkongres kecil di Singapura. Kongres kecil anjuran Asas 50 itu telah bertindak memilih wakil dan mendapatkan perbelanjaan wakil-wakil Malaya ke kongres bahasa di Medan itu. Inilah pertemuan awal antara bahasawan Indonesia dengan bahasawan dari Malaya.

Apabila kita mengadakan Kongres Ketiga (Bahasa dan) Persuratan Melayu se-Malaya (KPBMM3) di Singapura dan Johor Baru (pembukaan kongres dilaksanakan di University Malaya, Singapura dan penutupannya di Istana Besar Johor Bahru) pada 16 hingga 21 September 1956, beberapa orang bahasawan Indonesia telah diundang dan mereka turut menyertai kongres itu. KPBMM3 telah merumuskan definisi bahasa Melayu dan bahasa Indonesia sebagai:

Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia itu hanya berbeza pada nama sahaja kerana perbezaan politik Indonesia dan

Tanah Melayu; dan bahasa Indonesia terkaya perbendaharaan katanya dengan kata-kata daerah dan Belanda.

Definisi itu merupakan kesimpulan dari pendapat pada bahasawan dan pemimpin bangsa yang merupakan perekayasa bahasa itu, yang antaranya telah berkata:

- **Bahasa Indonesia ialah bahasa persatuan yang pokoknya diambil dari bahasa Melayu - Presiden Soekarno.**
- **Bahasa yang dinamakan bahasa Indonesia itu pada lahirnya tidak berbeza dengan bahasa Melayu; susunan kalimatnya dan kata-katanya berasal dari bahasa Melayu; hanya bertambah dengan kata-kata baru - Wakil Presiden Dr Muhammad Hatta.**
- **Sebelum timbul bangsa Indonesia, bahasa Indonesia itu sudah ada - bahasa Indonesia itu ialah bahasa Melayu; bila bangsa Indonesia semakin maju, sekalian daerah makin merasa sama masuk bangsa Indonesia; maka bahasa Melayu itu diubah namanya menjadi bahasa Indonesia - Prof Sutan Takdir Alisjahbana.**
- **Bahasa Indonesia tumbuh dari bahasa Melayu, tetapi tidak sama dengan bahasa Melayu. Bahasa Indonesia bukan sama tapi bukan berlainan juga dengan bahasa Melayu - Prof Dr Prijana.**
- **Bahasa Indonesia itu bukan bahasa Melayu, melainkan satu bahasa yang tumbuh di alam Indonesia dan dapat difahami serta dipergunakan oleh seluruh masyarakat Indonesia - Adi Negoro.**
- **Bahasa Melayu ialah bahasa yang dipakai oleh penduduk asli pesisir timur Sumatera Selatan, Sumatera Timur dan Semenanjung Tanah Melayu; kata 'Melayu' mula-mula dikenal sebagai sebuah kerajaan tua di Batang Hari sebelum zaman Srivijaya - Sabarudin Achmad.**
- **Bahasa Melayu dan Bahasa Indonesia itu satu dan sama jua, sekadar berbeza sedikit-sedikit tentang ejaan dan beberapa sebutannya dan juga pada perkataan yang sama**

bunyi tetapi lain pengertiannya - Zainal Abidin bin Ahmad (Za'ba).

Melihat kepada kelainan bahasa Melayu dengan bahasa Indonesia itu yang ketara ialah pada ejaan, maka kerjasama kebahasaan antara Malaya dengan Indonesia dimulai dengan menyama atau menyekatakan ejaan. Setelah berunding dan bermesyuarat selama kira-kira dua tahun, pada 7 Disember 1959 kedua-dua jawatankuasa ejaan Malaya dan Indonesia telah menghasilkan satu sistem ejaan baru yang diberi nama *ejaan Melindo* (akronim kata: Melayu-Indonesia). Kedua-dua negara telah bersetuju hendak sama-sama mula menggunakan ejaan Melindo pada 1 Januari 1964.

Sementara itu, Singapura yang berkerajaan sendiri dalam negeri, semenjak menerima bahasa Melayu jadi Bahasa Kebangsaan pada 6 Jun 1959 itu telah mengadakan pelbagai kempen mempelajari bahasa kebangsaan. Kempen-kempen itu telah dianjurkan oleh pemerintah, badan-badan berkanun dan pertubuhan-pertubuhan sosial pelbagai kaum.

AEC (Adult Education Council) atau Majlis Pelajaran Dewasa, Singapura telah mengubah namanya menjadi LGPD (Lembaga Gerakan Pelajaran Dewasa) dan membuka banyak kelas Pelajaran Bahasa Kebangsaan. Pelbagai ikhtiar telah dilakukan untuk mendapatkan guru bahasa kebangsaan, untuk mengatasi kekurangan guru Melayu yang bertaullah.

Anggota polis Melayu, kerani, pembantu pejabat dan sesiapa sahaja yang boleh berbahasa Melayu agak fasih boleh menjadi guru untuk kelas-kelas bahasa kebangsaan itu. Kalaulah Munsyi Abdullah masih hidup, pasti disindirnya keadaan itu dengan peribahasa: di mana tiada helang, belalang pun mengaku dirinya helang!

Pertubuhan-pertubuhan sosial menggalakkan anggotanya supaya menggunakan bahasa kebangsaan dengan mengadakan minggu-minggu bahasa kebangsaan dan bulan-bulan bahasa kebangsaan yang dipenuhi dengan acara ceramah bahasa, seminar bahasa, peraduan-peraduan cakap petah, bahasa, membaca pantun, sajak dan yang seumpamanya.

Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan Singapura telah menganjurkan *musyawarah penulis-penulis Malaya* (dalam empat bahasa) di Singapura pada 16 hingga 18 Mac 1962.

Dalam ucapannya, antara lain, Menteri Kebudayaan Singapura Encik S. Rajaratnam berkata:

Perkembangan kesusasteraan dalam bahasa kebangsaan tidak akan dan tidak sepatutnya bermakna kemerosotan kesusasteraan dalam bahasa-bahasa lain. Sebaliknya, saya harap bahawa karya-karya dalam bahasa-bahasa bukan Melayu akan berkembang sebab kesusasteraan yang ditulis dalam bahasa-bahasa China, Inggeris dan Tamil boleh menjadi sebahagian daripada kesusasteraan Malaya seperti bahasa Inggeris telah menjadi kenderaan untuk perkembangan kesusasteraan Inggeris, Amerika, Australia dan Hindia Barat.

Sebagai kata pendahuluan kepada buku '25 Pelajaran Bahasa Kebangsaan' terbitan Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan Singapura, yang dijual sepuluh sen senaskhah itu, berkata pula Menteri Kebudayaan, Encik S Rajaratnam, katanya:

Hendaklah kita ingat Bahasa Kebangsaan sekarang bukan kepunyaan sesuatu kaum. Ianya kepunyaan kita sekalian. Kita sekalian boleh dan akan menolong memajukan Bahasa Kebangsaan. Hanya dengan menggunakannya dengan lebih selalu lagi akan dapat kita menjamin bahasa Melayu bukan lagi bahasa kepunyaan orang-orang Melayu sahaja tetapi sudah menjadi bahasa kepunyaan orang-orang Malaya. Ianya sudah menjadi bahasa kebangsaan 90 juta orang Indonesia dan akan menjadi juga bahasa kesatuan 10 juta orang-orang Malaysia.

Penerimaan bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan dari segi apa pun juga tidak bertentangan dengan pengkajian dan perkembangan bahasa ibu berbagai-bagai kaum di Malaysia. Pengkajian dan kemajuan bahasa-bahasa lain daripada bahasa Melayu boleh menjadi satu sumber yang berharga bagi kekuatan bahasa Kebangsaan kita, kerana menerusi bahasa-bahasa lain ini bahasa Kebangsaan kita dapat diperkayakan dengan fikiran-fikiran dan perkataan-perkataan baru.

Apabila PTM, Singapura, Sabah dan Sarawak menubuhkan Malaysia pada 16 September 1963, Indonesia telah mengonfrant Malaysia; perjanjian persahabatan PTM-Indonesia terbatal; sekalligus perjanjian persetujuan menggunakan ejaan Melindo itu terbantut. Singapura yang menjadi anggota Malaysia turut dikonfrant Indonesia.

Apabila konfrantasi Indonesia terhadap Malaysia mansuh pada tahun 1966, KOTI, utusan Indonesia telah datang ke Kuala Lumpur membaharui perhubungan mereka dan mengatur semula kerjasama kebahasaan kedua negara itu dengan menubuhkan Majlis Kebahasaan Indonesia-Malaysia (MBIM). Singapura yang telah keluar Malaysia pada 9 Ogos, 1965 tidak terlibat dengan penubuhan MBIM.

LTK (Lembaga Tetap Kongres) Singapura telah menganjurkan suatu Kongres Bahasa Kebangsaan pada 15 hingga 19 Ogos 1966. Sekadar untuk kenangan mari kita menungkan apa yang telah saya (sebagai pengerusi LTK, pengerusi Panitia Kongres dan pengerusi Kongres Bahasa Kebangsaan) katakan. Antara lain kata saya:

Memang Kongres begini bukan pertama kalinya diadakan di Singapura. Kongres Bahasa Melayu sudah dua kali diadakan di Singapura semenjak lepas Perang Dunia Kedua - sekali pada 12 dan 13 April 1952 dan sekali lagi dari 15 hingga 21 September 1956 - tetapi, semenjak Singapura merdeka dan berdaulat sebagai sebuah Republik, inilah pertama kalinya Kongres Bahasa Kebangsaan kita adakan. Kedua-dua kongres yang telah diadakan di Singapura - pada tahun 1952 dan 1956 - itu, masih membawa hasrat satu golongan rakyat sahaja; tetapi Kongres yang kita mulakan hari ini telah berubah suasananya. Bahasa yang kita persoalkan sekarang bukan lagi bahasa golongan tetapi bahasa yang sudah didaulatkan sebagai Bahasa Kebangsaan (Tanah Melayu mendaulatkannya pada tahun 1957 dan Singapura mendaulatkannya pada tahun 1959). Jadi, peranan Bahasa Kebangsaan ini lebih besar daripada bahasa Melayu itu sendiri, dalam pembangunan rakyat kita sekarang.

17 kertaskerja yang dibincangkan Kongres itu meliputi hal-hal yang menyangkut Ejaan Rumi Bahasa Kebangsaan; Pengajaran Bahasa Kebangsaan kepada kanak-kanak dan orang dewasa; Penggalakkan, penggunaan dan peranan Bahasa Kebangsaan di kalangan rakyat; Pengajaran kesusasteraan di sekolah menengah; Peranan kesusasteraan dalam pembangunan rakyat; Penyuburan Kesusasteraan Kebangsaan dan Kritik sastera.

Hampir separuh daripada peserta kongres itu terdiri daripada mereka yang bukan Melayu. Ini merupakan hasil daripada kempen-kempen menggalakkan rakyat Singapura menggunakan bahasa Kebangsaan menerusi minggu-minggu dan bulan-bulan bahasa Kebangsaan semenjak 1959.

Walaupun Kongres itu telah membincangkan soal *ejaan rumi bahasa Kebangsaan* bagi Singapura, namun apabila MBIM berhasil menyekatakan ejaan baru bagi Indonesia dan Malaysia, dan kedua-dua negara itu telah rasmi menggunakan ejaan MBIM itu pada 1972 maka Singapura, mahu tidak mahu, turut menggunakan ejaan sistem MBIM itu mulai tahun 1977.

Selesai pembakuan ejaan, MBIM berusaha membakukan kata-kata istilah. Sekarang urusan pembakuan istilah itu hampir selesai. Langkah seterusnya ialah membakukan sebutan, yakni bertutur dengan sebutan sebagaimana kekata itu dieja. Indonesia tidak ada masalah menggunakan sebutan baku kerana mereka memang sudah menyebut demikian semenjak bahasa Melayu diisytiharkan menjadi bahasa Indonesia pada tahun 1928.

Malaysia sudah tiga tahun melaksanakan rancangan bertutur dengan sebutan baku menerusi sekolah-sekolah. Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura sudah memutuskan hendak menggunakan sebutan baku itu dalam masa tiga atau lima tahun dari 1990, dan sekarang sedang merancang ke arah pelaksanaan sebutan baku itu.

Mulai tahun 1984, Negara Brunei Darussalam telah menganggotai MBIM setelah menjadi pemerhati selama dua setengah tahun. Kemasukan negara Brunei Darussalam ke MBIM menyebabkan nama MBIM itu diubah menjadi MABBIM. Singapura telah mula menjadi pemerhati di MABBIM semenjak tahun 1984 itu juga.

BAHASA MELAYU SEBAGAI SUATU ILMU

Bahasa sebagai suatu ilmu dan sebagai suatu bahasa ilmu adalah dua hal yang berlainan. 'Sebagai suatu bahasa ilmu' mengungkap bahawa bahasa itu digunakan untuk merah sesuatu ilmu atau pengetahuan, tetapi 'bahasa sebagai suatu ilmu' ialah bahasa itu dipelajari atau dikaji sebagai suatu ilmu.

Tidak menggunakannya sebagai bahasa ilmu di Singapura (selain daripada untuk mengajarkan IRK¹⁶ sedikit masa dahulu) bukanlah kerana ketidakmampuan bahasa Melayu, tetapi kerana dasar pelajaran negara ini memang begitu. Bagaimanapun, sebagai suatu ilmu, bahasa Melayu itu dipelajari di sekolah-sekolah di Singapura dari peringkat

16. IRK ialah Islamic Religious Knowledge - Pengetahuan agama Islam.

sekolah rendah membawa ke peringkat sekolah tinggi. Di sekolah-sekolah rendah dan menengah bahasa Melayu diajarkan dalam bentuk 'belajar' dan di sekolah tinggi, di universiti, bahasa itu di 'kaji'.

Di sekolah-sekolah, sekarang bahasa Melayu diajarkan sebagai bahasa kedua dan ketiga, sama seperti bahasa-bahasa Mandarin dan Tamil diajarkan. Istilah *bahasa kedua* itu membawa maksud bahawa bahasa itu tidak digunakan sebagai bahasa pengantar pelajaran (ilmu-ilmu lain) tetapi diajarkan supaya pelajar mengetahui dan boleh bertutur dalam bahasa tersebut; manakala *bahasa ketiga* ialah bahasa yang dipelajari sebagai bahasa asing dan taraf pencapaiannya pun setahap dengan kecapaian pelajar bahasa asing (Jerman, Perancis, Jepun dan sebagainya).

Oleh kerana bahasa itu dipelajari sebagai satu mata pelajaran, maka bahasa itu diajarkan selimbang dengan sukatan pelajaran yang ditetapkan. Sukatan pelajaran itu harus pula tunduk kepada yang ditetapkan oleh kurikulum. Seluas mana kurikulum itu melebarkan ruangnya, sebanyak itulah bahan pelajaran ditawarkan kepada pelajar .. dan akhirnya, apabila diuji atau dinilai pengetahuan yang dimiliki pelajar, maka jumlah pengetahuan yang dimiliki pelajar itu tidaklah melebihi apa yang teruntut baginya.

Dengan demikian, jika kita mahu tahu setinggi mana pencapaian pengetahuan seseorang tentang bahasa Melayu kenalah kita periksa keputusan peperiksaan atau penilaian bahasa Melayu yang dilaksanakan di sekolah-sekolah jika kita mahu tahu sebanyak mana pengetahuan bahasa Melayu itu disampaikan kepada para pelajar kenalah kita semak sukatan pelajarannya.

Inilah yang dikatakan orang tua-tua: *yang secupak itu tidak akan jadi segantang*. Jika kita mahu juga yang secupak itu menjadi segantang maka kenalah kita tambahkan *tiga cupak* lagi kepada yang *secupak* tadi supaya menjadi *empat cupak*, kerana menurut sukatan *empat cupak* baru jadi *segantang*!

Sejauh ini, pelajaran mengenai kesusasteraan Melayu tidak diajarkan kepada pelajar bahasa Melayu sebagai bahasa kedua, maka janganlah ditanya tentang pengetahuan mereka mengenai kesusasteraan Melayu.

Lain halnya, kalau hendak kita lihat tinggi atau rendahnya bahasa Melayu itu sebagai suatu bahasa. Jika kita bandingkan taraf

bahasa Melayu Singapura dengan bahasa Melayu Brunei atau dengan bahasa Melayu Malaysia dan Indonesia, maka akan kita dapati bahawa taraf bahasa itu adalah setara kerana bahasa Melayu yang digunakan di keempat-empat wilayah itu adalah bahasa Melayu baku; bahasa Melayu yang sekata, cuma nama politik bahasa itu sahaja yang berbeza.

Dalam pertemuan-pertemuan tahap nusantara seperti Pertemuan Sasterawan Nusantara, Pertemuan Wartawan Nusantara, Pertemuan Guru-guru Nusantara, bahasa Melayu baku digunakan tanpa masalah. Tiap peserta memahami satu sama lain menerusi bahasa yang sekata itu.

Mungkin bahasa Melayu di luar Singapura itu kaya dengan kata-kata dialek sedangkan pada bahasa Melayu Singapura tidak demikian kerana sudah lama orang Melayu Singapura tidak bertutur dengan dialek, namun dengan bahasa Melayu baku tidak ada masalah antara mereka yang tidak dapat diselesaikan.

Komponen bahasa baku ialah tatabahasa, ejaan dan sebutan. Tatabahasa Melayu Singapura tidak berbeza dengan tatabahasa Melayu yang di Malaysia, yang di Indonesia dan dengan yang di Brunei Darussalam; masalah pembakuan tatabahasa tidak timbul kerana tatabahasa itu sudah sedia baku.

Tentang ejaan, orang Singapura menulis dengan ejaan yang sudah dibakukan MBIM; orang Brunei juga menulis dengan ejaan yang demikian. Dua komponen bahasa sudah baku: hanya tinggal satu komponen yang masih dalam proses pembakuan, iaitu tentang *sebutan baku*.

Sebutan baku bahasa Melayu ialah melafazkan kata-kata bahasa Melayu itu dengan vokal menurut sebagaimana kata-kata itu dieja. Orang Indonesia tidak ada masalah dalam sebutan baku: orang Malaysia sudah tiga empat tahun mula menuturkan sebutan baku secara berperingkat-peringkat menerusi sekolah-sekolah.

Di Singapura, Jawatankuasa Bahasa Melayu Singapura sudah memutuskan hendak melancarkan penggunaan sebutan baku itu dalam masa tiga ke lima tahun dari 1990. Mudah-mudahan keputusan itu segera menjadi kenyataan.

Barangkali ada orang berkata bahawa bahasa Melayu Singapura

tidak lengkap, maka itu ia tidak digunakan di lain-lain bidang kehidupan seperti di mahkamah, di hospital, di lapangan pentadbiran dan dalam urusan keilmuan. Pada hemat saya: bahasa Melayu tidak digunakan dalam lapangan-lapangan tersebut adalah betul, tetapi mengatakan bahasa Melayu tidak lengkap itu tidaklah benar!

Bahasa Melayu tidak digunakan dalam lapangan tersebut bukanlah kerana bahasa itu tidak lengkap, tetapi kerana orang tidak mahu menggunakannya, umpamanya: orang Melayu tidak mahu menggunakan bahasa Melayu dalam mesyuarat atau persidangan yang diperansertai oleh orang-orang Melayu itu sendiri, bukanlah kerana bahasa itu tidak lengkap; bukan juga kerana peserta-peserta mesyuarat atau persidangan itu tidak mampu berbahasa Melayu, tetapi kerana mereka memang tidak mahu menggunakan bahasa Melayu dalam persidangan itu!

Anggota-anggota parlimen Melayu berucap dan berhujah dalam parlimen dengan bahasa Melayu tidak kekok-kekok, tidak tersangkut-sangkut (kebetulan berucap di parlimen dengan salah satu daripada empat bahasa rasmi Singapura dihalalkan perlembagaan). Ini membuktikan bahawa bahasa Melayu itu mampu digunakan di lapangan itu dan penuturnya pun bukan sahaja mampu bahkan mahu dia menggunakan bahasa itu di parlimen.

Radio dan televisyen, suratkhbar dan majalah yang merupakan alat sebaran am yang berbahasa Melayu dapat menyiarkan berita dan makalahnya sejajar dengan yang disebarkan oleh alat sebaran bahasa asing dalam lapangan apa pun juga, tanpa masalah kekurangan bahan dan istilah. Ini membuktikan bahawa ketidakdigunaan bahasa Melayu dalam lapangan-lapangan tertentu itu bukanlah kerana ketidaklengkapan atau ketidakmampuan bahasa itu mencapai kumpulan sasarannya.

Adapun tabiat sesetengah orang Melayu Singapura yang lebih gemar berbahasa Inggeris daripada berbahasa Melayu itu bukanlah suatu tren atau suatu isu baru. Petiakanlah perkataan Munsyi Abdullah bin Abdul Kadir yang dirakamkan dalam bukunya 'Hikayat Abdullah' terkarang pada tahun 1858.. Kata Abdullah:

Sebermula semenjak Singapura sudah menjadi negeri, cita Eropah dibuatnya basahan dan sakhlal dibuatnya seluar dan kain Bugis berkilat dan sapatangan batik terancang di kepala; dan ada yang berpayung sutera di tangan; dan bertutur cara Inggeris dan

Benggali dan Keling seperti air. Maka kalau Inggeris hendak bertutur dengan dia cara Melayu dijawabnya cara Inggeris. Adapun segala perkara yang tersebut inilah yang menjadi hairan aku oleh sebab melihat perubahan dunia ini dengan kenyataan adanya.

Rupanya, ketakjuban Abdullah tidak selesai di situ sahaja. Menerusi rencana pengarang akhbar 'Sekolah Melayu' pada 16 Januari 1889, Munshi Mohd Ali Al-Hindi telah menulis:

Bahawasanya pelik dan bingung kita memikir akan kita di Selat ini gemar sangat menggunakan bahasa Inggeris sehingga hampir menjadi basahan pada kita. Maka yang terutama di sekolah-sekolah pula yang terlebih; semenjak Tuan Jackson memangku jawatan nazir bagi sekolah-sekolah itu adalah kurang sedikit nampaknya kerana selalu diperbaiki oleh tuan bijaksana itu iaitu jika sekolah Melayu dikehendakinya semata-mata bahasa Melayu tiada ia mahu dicampur baik daripada perbendaharaan atau kelakuan.

Kedua pernyataan yang tersebut di atas meyakinkan saya bahawa kegemaran orang Melayu berbahasa Inggeris itu bukanlah suatu tren baru, kerana semangat itu sudah hidup di dada orang Melayu semenjak 170 tahun dahulu; bahkan hingga saya menulis ini pun bertambah banyak lagi ibu bapa yang mahukan supaya anak-anaknya didedahkan lebih kepada bahasa Inggeris daripada yang lain-lain.

BAHASA MELAYU DALAM PENGGUNAANNYA

Bahasa Melayu sekarang yang diajarkan di sekolah-sekolah sebagai bahasa kedua itu membawa niat mengajarkan bahasa itu kepada anak-anak penutur (native speaker) bahasa Melayu sebagai bahasa ibundanya supaya anak-anak itu dapat menggunakan bahasa itu dengan baik dalam urusan kebudayaan warisannya.

Sesuai dengan tema Bulan Bahasa 1990 'bahasa menjunjung budaya' sesuai pula dengan kata pepatah *bahasa menunjukkan bangsa*, maka pengekaln bahasa ibunda itu dapat melestari dan memantapkan budaya warisan.

Dengan kemampuan menguasai bahasa Melayu yang memadai, orang Melayu akan dapat membaca sastera lama (yang sekarang seakan-akan telah dilupakan) dan dapat menikmati peribahasa dan

pantun-pantun pusaka. Dengan demikian, mereka akan dapat mengkaji dan menghayati nilai-nilai hidup yang murni sebagai pusaka warisan yang masih valid hingga zaman sekarang.

Menerusi ucapannya ketika membuka rasmi Bulan Bahasa 1990 pada 2 Mac 1990, Brig-Jen George Yeo Yong-Boon berkata bahawa bahasa Melayu sekarang bukanlah semata-mata berfungsi sebagai pemantap kebudayaan Melayu sahaja, tetapi juga akan menjadi bahasa hubungan ekonomi di rantau Asean.

Jika benar akan demikian halnya, maka orang-orang yang berkenaan haruslah menatarkan kemahirannya berbahasa Melayu, supaya apakala datang waktunya, mereka tidak akan terpaksa keluar padang meninggalkan gelanggang. Kemampuan bahasa Melayu menjadi bahasa hubungan di rantau ini tidaklah syogla diragui lagi kerana yang mungkin jadi kendala bukanlah ketidakmampuan bahasa itu tetapi ialah ketidakmahuan para pengguna menggunakannya.

Minggu-minggu dan bulan-bulan bahasa Melayu sudah diadakan semenjak bahasa itu diterima menjadi bahasa kebangsaan pada Jun 1959 dahulu. Bahasa itu telah diperkenalkan dengan cara yang cukup terbuka; penggunaannya telah digalakkan dengan pelbagai cara. Pelbagai cogan kata telah digunakan untuk menghimbau masyarakat Singapura berbahasa kebangsaan, namun keadaan hidup yang bergolak pesat menyebabkan para pengguna kerap berubah sikap.

Apabila Singapura merdeka pada 9 Ogos 1965, keadaan politik berubah. Hal yang mendapat keutamaan pada masa itu ialah hal-hal yang berkait dengan penakatan. Demi penakatan, nilai-nilai sentimen dan hal-hal yang tidak menggesa dianggap perkara sekunder. Keadaan ini menyebabkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan menjadi tidak penting; kembalilah bahasa Melayu itu kepada status bahasa ibunda bagi orang Melayu.

Sekarang ini, tidak kedengaran lagi orang menyebut-nyebut tentang bahasa kebangsaan; tempat bahasa kebangsaan digantikan dengan bahasa ibunda (walhasil balik asal) yang dikenal dengan sebutan bahasa kedua. Bulan bahasa yang dahulunya disebut Bulan Bahasa Kebangsaan, mulai dari tahun 1982 disebut *Bulan Bahasa* sahaja, dengan pengertian bahawa frasa *bulan bahasa* yang disebut dengan kekata Melayu dan diperansertai oleh masyarakat Melayu sudah dapat difahami bahawa *bulan bahasa* itu ialah Bulan Bahasa Melayu.

Bulan Bahasa 1982 itu membawa mesej: *gunakan bahasa Melayu yang betul*, dengan maksud mengajak pengguna bahasa Melayu bertutur dengan bahasa Melayu yang betul. Apabila diadakan lagi bulan bahasa pada tahun 1988 slogan *gunakan bahasa Melayu yang betul* itu diketengahkan lagi. Demikian juga apabila Bulan Bahasa 1990 diadakan.

Tampak slogan itu amat sederhana, namun dapat jua ia menggambarkan beberapa penggunaan bahasa Melayu dalam kalangan orang Melayu sekarang ini pun masih belum cukup betul.

Adapun orang-orang yang bertutur dengan bahasa Melayu itu, tidak sama sekali berasa yang mereka bertutur secara tidak betul: mereka yakin bahawa mereka telah bertutur dengan fasih dan tidak ada perkataannya yang tidak difahami responden. Maka itu slogan *gunakan bahasa Melayu yang betul* tadi belum meninggalkan kesan apa-apa.

Sebenarnya, apa yang dimaksudkan oleh penganjur bulan bahasa itu ialah supaya tiap penutur dapat bertutur dengan bahasa baku iaitu bahasa yang bertatabahasa, bahasa yang ada nilai budaya; jangan bertutur dengan slanga, jangan bertutur dengan bahasa yang tercemar, terutama apabila mereka bertutur atau berucap dalam keadaan atau dalam situasi yang formal.

Bulan-bulan bahasa kita, setakat ini, belum sampai pada tahap menggunakan slogan yang agak keras, misalnya: *jika anda orang Melayu, bertuturlah dalam bahasa Melayu*. Kita sedar bahawa hampir semua orang Melayu bertutur dalam bahasa Melayu - bahasa ibunda. Perbualan keluarga masih dilakukan dalam bahasa Melayu walaupun kerap juga dicampur-campur dengan kata-kata asing; ceramah-ceramah agama untuk orang Melayu masih disampaikan menerusi bahasa Melayu.

Apa yang dirasakan oleh pengempen-pengempen bahasa tadi ialah bahasa Melayu yang dituturkan itu belum menepati kehendak bahasa baku. Pilihan katanya kadang-kadang kurang jitu; susunan perkataannya tampak agak longgar, tidak cukup kemas; penggunaan ungkapan dan peribahasanya kadangkala tidak cukup tepat. Itulah maka mesej yang disampaikan menerusi bulan-bulan bahasa setakat ini masih merupakan himbuan menggunakan bahasa Melayu yang betul; yang terakhir itu teriring pula dengan peringatan: *bahasa menjunjung budaya!*¹⁷

17. Lihat lagu bahasa menjunjung budaya pada lampiran 1.

Saya rasa: masih ada lagi hal-hal yang mengenai *bahasa Melayu hari ini*, misalnya tentang: pengembangan kesusasteraan Melayu di Singapura; kegiatan-kegiatan bahasa dan sastera Melayu di Singapura pada tahap negara dan tahap nusantara, dan yang sebagainya yang boleh disentuh dalam percakapan ini, namun dalam waktu yang terhad ini hal itu tak dapat saya lakukan.

BAHAN BACAAN

1. Buyong Adil, *Musyawarah penulis-penulis Melayu di Singapura, Dewan Bahasa dan Kebudayaan Kebangsaan Singapura, 1962.*
2. Buyong Adil, *Pelajaran Bahasa Kebangsaan Darjah Satu, Dewan Bahasa dan Kebudayaan Singapura, 1963.*
3. Dr Hooykaas, *Perintis Sastera, Balai Pustaka, Djakarta 1953.*
4. Drs Ismail Husain, *Sejarah Pertumbuhan Bahasa Kebangsaan Kita, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1966.*
5. Mahmud Ahmad, *Kongres Bahasa Kebangsaan Singapura 1966, Lembaga Tetap Kongres (Bahasa & Kebudayaan) Singapura 1966.*
6. *Majalah Medan Bahasa Tahun IV No. 7 dan 8, Kongres Kedua Bahasa Indonesia 1954, Balai Pustaka, Djakarta 1954.*
7. Muhammad Arif Ahmad, *Pertumbuhan dan Perkembangan Bahasa Melayu, kertas ceramah kepada Kursus Bahasa PERWANIT, 13 Nov 1965.*
8. Muhammad Arif Ahmad, *Masalah pengajaran Bahasa Kebangsaan, kertas kerja kepada Seminar Bahasa Kebangsaan LCPD, 5 Dis 1965.*
9. William R Roff Ph D, *Sejarah Suratkhbar Melayu, Saudara Sinaran Berhad, Pulau Pinang 1967.*
10. Syed Nasir Ismail, *Kajian Ringkas Sejarah Bahasa Kebangsaan, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur 1959.*
11. .. **25 Pelajaran Bahasa Kebangsaan, Dewan Bahasa dan Kebudayaan Singapura 1962.**